

# FENFEDRIN CAPSULE

Pseudoephedrine hydrochloride/Chlorpheniramine maleate (60mg/4mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fenfedrin
2. Bagaimana Fenfedrin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fenfedrin
4. Cara menggunakan Fenfedrin
5. Semasa menggunakan Fenfedrin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fenfedrin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Fenfedrin

Fenfedrin digunakan untuk melegakan kesesakan hidung semasa selsema dan membantu melegakan saluran pernafasan.

Fenfedrin membantu melegakan untuk sementara hidung berair, bersin dan gatal hidung akibat alahan rinitis (radang membran mukus hidung) seperti demam alergi.

## Bagaimana Fenfedrin berfungsi

Pseudoephedrine hydrochloride adalah sejenis dekongestan yang berfungsi dengan menyempitkan saluran darah untuk mengurangkan pembengkakan dan kesesakan hidung.

Chlorpheniramine Maleate membantu mengurangkan rembesan dalam hidung dengan menghalang tindakan histamina, sejenis bahan semulajadi yang dihasilkan dalam badan semasa tindakbalas alergi.

## Sebelum menggunakan Fenfedrin

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Fenfedrin jika anda:

- alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.
- ingin menggunakannya pada kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun.

### Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Fenfedrin jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.
- sedang mengambil ubat untuk kemurungan seperti MAOIs (monoamine oxidase inhibitors) atau dalam tempoh 2 minggu selepas tamat rawatan.
- mempunyai masalah jantung atau metabolik seperti, lelah, tekanan darah tinggi, kelenjar tiroid terlampau aktif.
- mengalami pembesaran prostat dan/atau gangguan pundi kencing.
- mempunyai sawan.

- mempunyai glaukoma (tekanan di dalam mata meningkat).
- mempunyai masalah gastrousus seperti ulser peptic atau obstruksi pyloroduodenal (halangan aliran keluar gastrik).

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Fenfedrin

### Berapa banyak harus digunakan

*Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas*

- 1 kapsul setiap 4 – 6 jam.

### Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

### Jika terlupa menggunakannya

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan dos berlebihan boleh mengakibatkan paranoia psikosis, khayal, halusinasi, pergerakan otot tanpa kawal dan tidak teratur, suhu badan meningkat, denyutan jantung yang cepat dan gelisah.

## Semasa menggunakan Fenfedrin

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Fenfedrin.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Telan kapsul bersama air dan cuba mengambilnya pada waktu yang sama setiap hari.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berkongsi Fenfedrin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jangan kunyah kapsul.
- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk. Jika mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan mesin. Elakkan meminum minuman beralkohol ketika mengambil ubat ini.

## Kesan-kesan sampingan

- Mengantuk, sakit kepala.
- Mulut kering
- Ruam
- Gangguan gastrousus
- Sesak dada
- Masalah darah.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-85535550, atau lawan web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers → Reporting)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Fenfedrin

### Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin, bersaiz 2, berwarna kelabu/putih berukir "XSP".

# FENFEDRIN CAPSULE

Pseudoephedrine hydrochloride/Chlorpheniramine maleate (60mg/4mg)

---

## Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Pseudoephedrine Hydrochloride dan  
Chlorpheniramine Maleate.

Bahan-bahan tidak aktif

Magnesium Stearate, Colloidal Silicon  
Dioxide, Lactose.

## Nombor MAL

MAL19890289A

## **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

19 Ogos 2015

## **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)190815/00263